



Ruj. Tuan :

Ruj. Kami :

Tarikh :

**KENYATAAN AKHBAR
PENGARAH KAWALAN PENYAKIT
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
Bagi Minggu Epid ke 33/2008 (10 hingga 16 Ogos 2008)

Sejumlah 1,039 kes demam denggi telah dilaporkan bagi tempoh 10 hingga 16 Ogos Julai 2008, menurun sebanyak 32 kes (-3%) berbanding minggu sebelumnya iaitu 1,071 kes. Bagi tempoh yang sama 3 kematian telah dilaporkan dari negeri Selangor. Sembilan (9) buah negeri telah mencatatkan peningkatan kes iaitu Selangor, WPKL, N.Sembilan, Melaka, Johor, Terengganu, Kelantan, W.P.Putrajaya dan Sarawak. Negeri-negeri ini menyumbang kepada 85% (887 kes) daripada keseluruhan kes yang dilaporkan (Lampiran A). Sehingga kini sejumlah 28,939 kes demam denggi dengan 67 kematian telah dilaporkan.

Kurangnya aktiviti penjagaan kebersihan dalam rumah dan persekitaran yang berkaitan membasmi tempat pembiakan nyamuk *Aedes* telah dikenal pasti sebagai salah satu penyebab utama penularan denggi terutamanya di kawasan yang melaporkan kes denggi. Pemeriksaan yang dilakukan oleh KKM & Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menunjukkan masih terdapat premis yang positif pembiakan *Aedes* dan majoritinya (80%) adalah rumah kediaman atau kedai. Pemeriksaan juga menunjukkan indeks pembiakan aedes (*Aedes Index*) yang tinggi di kawasan Taman Permainan, rekreasi, Tanah dan Lot Kosong, Sekolah, Kilang dan juga Tanah Perkuburan.


Sebagai usaha untuk meningkatkan kesedaran masyarakat bagi mencegah penyakit demam denggi, KKM dan Pihak PBT telah mengedarkan sejumlah 57,957

risalah dan 1,596 poster terutamanya di kawasan yang mempunyai kes denggi. Dalam tempoh yang sama 79 aktiviti ceramah dengan kehadiran 6,525 anggota masyarakat, 25,678 sesi tunjukcara serta 167 sesi dialog telah dilaksanakan. Namun demikian hanya sejumlah 35 aktiviti gotong-royong telah dilakukan pada minggu lepas iaitu tidak sepadan dengan jumlah kes yang dilaporkan.

Tindakan penguatkuasaan telah dikenakan kepada segelintir ahli masyarakat yang enggan memberi kerjasama untuk membasmi tempat pembiakan nyamuk *Aedes*. Sejumlah 391 kompaun bernilai RM65,020 dan 338 notis arahan pembersihan telah dikeluarkan kepada mereka. Justeru ahli masyarakat disarankan untuk melaksanakan perkara berikut:

- a. Kumpul dan lupuskan semua bekas yang boleh menakung air seperti bekas polisterin, tin dan botol di tempat yang disediakan atau ditanam. Tutup atau kambus semua lubang yang boleh menakung air.
- b. Semburkan aerosol di tempat-tempat yang gelap dan tersembunyi di dalam rumah yang menjadi tempat rehat nyamuk aedes dewasa seperti di belakang langsir, almari baju, stor penyimpanan, bawah meja dan rak.
- c. Pemimpin masyarakat dan ahli politik setempat digalakkan untuk menggerakkan aktiviti gotong-royong untuk membersihkan kawasan setempat supaya bebas dari pembiakan nyamuk *Aedes*.
- d. Jika ada kemusykilan, dapatkan maklumat berkaitan demam denggi dari kemudahan kesihatan berhampiran atau laman web Kementerian Kesihatan di <http://www.moh.gov.my>

Aktiviti semburan kabus (*fogging*) sahaja tidak mencukupi untuk menghapuskan nyamuk *Aedes*. Oleh itu orang ramai sekali lagi diseru untuk bersama-sama bertindak bagi memastikan kebersihan di dalam dan persekitaran rumah kediaman bebas dari pembiakan nyamuk *Aedes*, nyamuk yang bertanggungjawab menularkan demam denggi.



(DATO' DR HASAN BIN ABDUL RAHMAN)
PENGARAH KAWALAN PENYAKIT
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Tarikh: 20 Ogos 2008

LAMPIRAN A

Kes Denggi Dilaporkan Pada Minggu Epid Ke-33, 2008 Berbanding Jumlah Kes Median

Bil	Negeri	Jumlah Kes		Perbezaan Kes & Median	% Perbezaan
		Minggu 33	Median* (03-07)		
1.	Selangor	451	209	242	115.8
2.	Kelantan	97	39	58	148.7
3.	Johor	105	59	46	78.0
4.	Sarawak	35	21	14	66.7
5.	WPKL	119	105	14	13.3
6.	N.Sembilan	32	21	11	52.4
7.	Melaka	19	10	9	90.0
8.	Putrajaya	9	1	8	800.0
9.	Terengganu	20	18	2	11.1
10.	Labuan	0	1	-1	-100.0
11.	Perak	51	52	-1	-1.9
12.	Pahang	20	21	-1	-4.8
13.	P.Pinang	40	43	-3	-7.0
14.	Perlis	2	7	-5	-71.4
15.	Sabah	16	24	-8	-33.3
16.	Kedah	23	37	-14	-37.8
	Jumlah	1,039	731	308	42.1

Nota:

Median* - Nilai penengah kes denggi tahun 2003-2007 yang disusun mengikut urutan menaik.

- Merupakan nilai unjuran/jangkaan kes denggi pada tahun 2008.

(-) Menurun

LAMPIRAN B

Hot Spot Kawasan Demam Denggi di Malaysia Minggu Epid ke-33, 2008

Bil	Negeri	Daerah/ Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes Hingga Minggu Epid 33
1.		MPS	Taman Tun Teja	17
2.		MPSJ	Bandar Bukit Puchong	4
3.		MBPJ	Mentari Court PJS 8	17
4.		MBSA	Flat D Sek.7	65
5.		MBSA	Flat B Sek.27	49
6.		MBSA	KBSB Zon 1	16
7.		MBSA	Teres B, Sek.25	22
8.		MBSA	P'puri Ilham Sek. U2	24
9.		MBSA	TUDM Subang	12
10.		MBSA	Flat PKNS, Sek.20	12
11.		MBSA	Teres B, Sek. 7	72
12.		MBSA	Desa Subang A	10
13.		MBSA	Mutiara Subang(Ap/R.Kedai)	5
14.		MBSA	Puncak Perdana Sek. U10	14
15.		MBSA	Apt.Lembayung Sek.25	8
16.		MBSA	Teres A Sek.19	4
17.		MBSA	Teres A Sek.25	8
18.		MPAJ	Jelatik/Bkt Baru Tmn Keramat Zon A	43
19.	Selangor	MPAJ	Tmn Bkt Teratai Zon C	24
20.		MPAJ	Pandan Jaya Zon B	9
21.		MPAJ	Pandan Indah Zon C	11
22.		MPAJ	Tmn Nirwana Zon C	11
23.		MPKj	BBB Sek.4 Zon 4	4
24.		MPKj	Bdr Sri Putra Sek.2	4
25.		MPKj	Tmn. Pelangi	11
26.		MPKj	Tmn Sri Tanjung	5
27.		MPKj	Zon Impian Murni Sj.Impian	4
28.		Gombak	Tmn Greenwood	18
29.		Gombak	Tmn Ehsan	51
30.		Gombak	Bdr Baru Selayang	8
31.		Gombak	Tmn Sri Gombak Zon 4	25
32.		Gombak	Kg.Simpang 3	6
33.		Gombak	Tmn Samudera Utara	5
34.		Gombak	Ktrs KIP Sg.Buloh	23
35.		Gombak	Kg.Laksamana	9
36.		H.Selangor	Bdr Br Btg Kali Lokaliti 2	11
37.		K.Selangor	Kg.Baru, Sg.Buloh	6
38.		Cheras	Sri Mas Kondo	14
39.		Cheras	Taman Shamelin Perkasa B	22
40.		Cheras	Taman Orkid Desa	6
41.		Cheras	Bdr Tasik Selatan(Tasik Hight Apt)	11
42.		Setapak	Wangsa Melawati	8
43.	WPKL	Setapak	Tmn Setiawangsa (KWSN A)	7
44.		Setapak	PPR Gombak Setia	4
45.		Kepong	Kem Bt Kentomen	34
46.		P.Bandar	PPR Sri Alam	11
47.		K.Lama	Kuchai Ent. Park	16
48.		K.Lama	Pearl Point Kondo	9
49.	Johor	JB	Kaw Perindustrian Senai - Cyber	8